

EK

ECONEWS

BELUM ADA RANCANGAN WUJUD RANGKAIAN KEDUA KHIDMAT TELEFON, KATA PM
Oleh Salmi Hashim

NEW YORK, 30 Sept (Bernama) -- Kerajaan Malaysia tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan rangkaian telefon kedua pada masa ini tetapi tidak menolak kemungkinan tersebut jika mendapati ianya usaha yang bermanfaat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau memberitahu para pengurus dana dan pelabur berpotensi dari New York semalam bahawa tidak ada keputusan telah dibuat bagi rangkaian telefon kedua kerana keperluannya belum lagi timbul.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh seorang pengurus dana New York pada pelancaran persembahan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur dalam usaha meningkatkan kefahaman lebih mendalam mengenai pasaran saham Kuala Lumpur.

Persembahan itu membabitkan empat syarikat Malaysia -- Telekom, UEM, MBF Holdings dan Ekran -- di New York, London, Paris dan Zurich dan dikelolakan oleh Credit Lyonnais Securities (M'sia).

Di dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkata program penswastaan Malaysia yang dirancang rapi telah mewujudkan syarikat-syarikat baru dan kemudahan awam yang amat besar yang "hampir keseluruhannya berjaya dan menguntungkan".

Contohnya, penswastaan Jabatan Telekom telah menyebabkan bukan sahaja kemunculan syarikat-syarikat telekomunikasi yang amat besar, malahan kebaikan yang amat ketara di dalam kecekapan telekomunikasi.

Daripada 800,000 talian di dalam tahun pertama penswastaan, Malaysia kini memiliki lebih dua juta talian, katanya lagi.

Syarikat-syarikat yang diswastakan seperti penjana kuasa swasta, lapangan terbang, pelabuhan, keretapi, perkhidmatan pesawat, kapal terbang dan kapal laut kini disenaraikan di BSKL, katanya.

"Syarikat berkenaan adalah menguntungkan dan berkembang serta dipelbagaikan dengan pesatnya," beliau memberitahu kira-kira 60 pengurus dan pelabur berpotensi di Hotel Pierre.

Perdana Menteri juga memberi jaminan kepada mereka bahawa di sebalik prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh sejak tujuh tahun lepas, masih ada ruang bagi pertumbuhan dan bidang perusahaannya masih boleh terus berkembang.

Cabaran-cabaran hebat akan dihadapi oleh Malaysia dengan tamatnya Perang Dingin di mana ekonomi bekas negara-negara Eropah Timur, Vietnam dan China sedang beralih daripada sistem ekonomi tertutup kepada ekonomi pasaran.

Bagaimanapun, Malaysia akan terus menjadikan negaranya lebih berdaya saing bagi menghadapi halangan-halangan perlindungan yang diwujudkan oleh para pesaingnya, kata Dr Mahathir.

Malaysia telah berupaya membuat penyesuaian dengan baik dan kini menerima keperluan terhadap keterbukaan, sikap liberal dan persaingan bebas.

"Akibatnya kami berupaya membuat perubahan daripada menjadi negara pengeluar timah dan getah terbesar di dunia kepada negara terbesar di dunia mengeluarkan alat penghawa dingin bilik dan mikrocip," katanya. -- Bernama